

**YAYASAN
JCORP**

MEMUPUK KEUNGGULAN MENINGKATKAN KEHIDUPAN

LAPORAN TAHUNAN 2023

MENGENAI LAPORANINI

Memupuk Keunggulan, Meningkatkan Kehidupan

Kulit depan laporan tahunan 2023 ini menggambarkan semangat setiap individu yang menjadi sebahagian daripada warga Yayasan JCorp – bertenaga, bermotivasi serta memberi inspirasi. Berpaksikan kelestarian, iltizam kami yang teguh terhadap masyarakat disalurkan menerusi bidang fokus Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti. Melalui beberapa inisiatif strategik dan jalinan kerjasama yang dinamik, kami berupaya memacu kemajuan secara holistik, memperkasa individu dan komuniti di samping memulihara alam sekitar untuk generasi masa depan. Bagi kami di Yayasan JCorp, ia benar-benar berkisar tentang Memupuk Keunggulan dan Meningkatkan Kehidupan.



MENGENAI LAPORAN INI

BAHAGIAN 1: KAMI ADALAH YAYASAN JCOP

Mengenai Laporan Ini	
Mencipta Impak yang Menyerlah	2
Maklumat Korporat	6
Warga Kerja Yayasan JCorp	7

BAHAGIAN 2: PENYATA KEPIMPINAN

Perutusan Pengerusi	8
Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif	10

BAHAGIAN 3: BIDANG FOKUS

• Pendidikan	12
• Seni, Budaya dan Warisan	24
• Alam Sekitar	32
• Kesejahteraan Komuniti	46

BAHAGIAN 4: TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pemegang Amanah	60
Pematuhan dan Tadbir Urus	61

BAHAGIAN 5: PENYATA KEWANGAN

Laporan Pemegang Amanah	64
Penyata Kedudukan Kewangan	67
Penyata Pendapatan Komprehensif	68
Penyata Perubahan Ekuiti	69
Penyata Aliran Tunai	70
Nota kepada Penyata Kewangan	71
Kenyataan Oleh Pemegang Amanah	79
Akuan Berkanun	79
Laporan Juruaudit Kepada Ahli-Ahli	80



MENCIPTA IMPAK YANG MENYERLAH

Perjalanan Transformasi Yayasan JCorp 2024-2028

Yayasan JCorp berusaha meningkatkan khidmat kami kepada masyarakat di seluruh negara dengan bermulanya proses transformasi yang dirangka bersandarkan Perancangan Strategik 2024-2028. Peringkat pertumbuhan yang seterusnya bakal menyaksikan Yayasan menumpukan usaha serta sumber kami ke arah menambah baik kualiti kehidupan masyarakat. Ia dapat dilaksana dengan memastikan kami memainkan peranan yang berkesan sebagai pengintegrasikan sistem di antara Johor Corporation (JCorp), Syarikat-syarikat di bawah Kumpulannya serta kesemua pihak luar yang lain, yang turut berkongsi matlamat kami untuk menyumbang kepada orang ramai serta bumi bertuah ini.

Transformasi kami mendukung lima strategi efektif menerusi pengukuhan dari segi pembiayaan, jenama, kecekapan, penambahbaikan program dan proses, serta pendigitalan. Bertunjangkan struktur yang teguh serta bergerak selari dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tabir Urus (ESG) serta Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), kami yakin strategi ini akan memantapkan empat bidang fokus kami, iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti.

Penglibatan berterusan dengan komuniti menyaksikan kami memperjuangkan aspirasi kami dalam setiap bidang, dengan membentuk masyarakat yang baik, memelihara warisan, menjaga alam sekitar serta alam semula jadi, di samping meningkatkan kehidupan golongan kurang bernasib baik. Kami memahat keyakinan untuk berkembang bersama-sama dengan pihak berkepentingan bagi menghasilkan manfaat hakiki yang boleh dinikmati oleh masyarakat tanpa henti.

MENCIPTA KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

Visi

Institusi terkemuka yang menyediakan platform untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan sosioekonomi semua lapisan masyarakat

Agenda – apa yang perlu dilakukan oleh Yayasan JCorp?



Pelaksanaan
Agenda ESG

Sebagai Pendukung ESG & Pengintegrasian Sistem



Pendidikan

► Aspirasi

► Apakah hasil yang diharapkan?

MEMBENTUK MASYARAKAT YANG BERGUNA

- Membantu warga Malaysia yang kurang mendapat perhatian memperoleh akses kepada pendidikan berkualiti
- Meningkatkan peluang pekerjaan bagi masyarakat yang kurang mendapat perhatian
- Menyediakan modal insan – menghasilkan bakat yang memiliki kemahiran masa depan

Transformasi Yayasan JCorp

► Pengupaya

Kemampuan
Pembiayaan

Pengukuran
Jenama

MENCIPTA IMPAK YANG MENYERLAH

Peranan

Sebagai cabang Tanggungjawab Sosial Korporat Johor Corporation, memainkan peranan penting untuk mencipta impak yang lebih menyerlah serta diiktiraf, sama ada di peringkat nasional dan global



Pendigitalan



Program berkualiti dan berimpak tinggi



Membentuk kerjasama strategik



Seni, Budaya & Warisan



Alam Sekitar



Kesejahteraan Komuniti

MEMELIHARA WARISAN KITA

- Menjadi tonggak utama Johor dalam memperjuangkan seni, budaya dan warisan
- Memberi nafas baharu kepada Johor sebagai destinasi pelancongan pilihan

MENJAGA ALAM SEKITAR & ALAM SEMULA JADI

- Johor sebagai negeri hijau dan sifar karbon
- Menerajui agenda Hijau Kumpulan JCOP
- Memartabatkan Johor sebagai hab biodiversiti – pokok bakau, taman negara dan lain-lain

MENINGKATKAN KEHIDUPAN GOLANGAN KURANG BERKEMAMPUAN

- Meningkatkan kewibawaan serta kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan
- Cemerlang dalam menggapai hasil dan meningkatkan kualiti hidup
- Menjadi rakan yang dipercayai dalam melaksanakan usaha pemulihan bencana/menyokong masyarakat

Memantapkan Kecekapan

Proses & Tadbir Urus

Memperkaya Budaya

Pendigitalan & Analisis Data

Kerjasama Strategik

MENCIPTA IMPAK YANG MENYERLAH



PENDIDIKAN

Sumbangan berjumlah

RM1.33 juta

untuk inisiatif pendidikan

10 program telah dilaksanakan dengan
lebih 4,000 pelajar mengambil bahagian
daripada 106 buah sekolah dan universiti

Melibatkan lebih 40 anggota pekerja yang
membantu kami melaksanakan program

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sumbangan kami kepada Pendidikan sila rujuk kepada Bidang Fokus – Pendidikan pada halaman 12 hingga 23.



SENI, BUDAYA DAN WARISAN

RM803,000 diperuntukkan
bagi penganjuran acara yang dianjurkan

6 inisiatif dijayakan

520 artis dan usahawan tempatan

Melibatkan lebih 30,000 orang
daripada komuniti setempat di samping
pelancong tempatan dan antarabangsa

Pendapatan yang dijana oleh
artis tempatan berjumlah

RM50,000

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan
sumbangan kami kepada Seni, Budaya dan Warisan,
sila rujuk kepada Bidang Fokus – Seni, Budaya dan Warisan
pada halaman 24 hingga 31.

MENCIPTA IMPAK YANG MENYERLAH



ALAM SEKITAR



KESEJAHTERAAN KOMUNITI

RM1.8 juta diperuntukkan bagi inisiatif alam sekitar

Melibatkan lebih **1,000** peserta dalam aktiviti yang dianjurkan

Menyumbang kepada lebih **1,000** penerima manfaat daripada pelbagai latar masyarakat

Lebih **300 kg** sampah sarap dikutip menerusi aktiviti pembersihan

Sebanyak **50** terumbu karang telah ditanam

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sumbangan kami kepada Alam Sekitar sila rujuk kepada Bidang Fokus – Alam Sekitar pada halaman 32 hingga 45.

RM1.4 juta diperuntukkan untuk kebajikan, kesihatan, bantuan bencana serta projek

Melibatkan **500** orang sukarelawan

Membantu **10,000** individu

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sumbangan kami kepada Kesejahteraan Komuniti sila rujuk kepada Bidang Fokus – Kesejahteraan Komuniti pada halaman 46 hingga 59.



Kami menumpukan sepenuh dedikasi dalam memperjuangkan UNSDG berbekalkan usaha penuh iltizam. Sumbangan kami ke arah merealisasi objektif global ini diperincikan secara menyeluruh pada halaman 12 hingga 59.

MAKLUMAT KORPORAT

NAMA SYARIKAT:

Yayasan Johor Corporation

(Sebuah Syarikat Berhad menurut Jaminan
yang Diperbadankan di Malaysia)

TEMPAT DAN TARikh DIPERBADANKAN:

Malaysia, 9 Jun 1997

NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT:

199701018871 (434368-M)

ALAMAT BERDAFTAR & OPERASI:

Registered Address

Aras 14, Menara KOMTAR Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor

Operational Address

Aras 18, Menara KOMTAR Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor

JURUAUDIT SYARIKAT:

Azman, Wong, Salleh & Co.

Suite 2 & 3, Aras 20, Menara KOMTAR Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru

AKTIVITI SYARIKAT:

Yayasan ini merupakan sebuah pertubuhan amal yang menerima,
merancang, mengurus dan mentadbir dana untuk tujuan kebajikan,
pendidikan, pembangunan keusahawanan serta latihan teknikal.

WARGA KERJA YAYASAN JCOP



Duduk dari kiri ke kanan

- **RUZIANA HUSSIN** Eksekutif Kanan
- **SHARIFAH HASYIMAH SYED MOHD NAZAR** Eksekutif
- **WAN SU ALI** Pengurus Besar
- **ZAI DATUL ZURITA ABDUL RAHMAN** Ketua Pegawai Eksekutif
- **ROSITA MD ALI** Pengurus
- **NORASHIKIN KHAMSANI** Eksekutif Kanan

Berdiri dari kiri ke kanan

- **NORA ISMAIL** Eksekutif
- **MUHAMMAD MUNIR MAZLAN** Eksekutif
- **SHAHRAZALI SAHLAN** Timbalan Pengurus
- **MOHAMMAD SYAFIQ MISKON** Eksekutif
- **MUHAMAD SHARIF MOHD ABDUL LATIF** Eksekutif
- **MAZIANA MOHD RASUL** Eksekutif

PERUTUSAN PENGERUSI



Tahun 2023 menyaksikan negara beransur-ansur bangkit daripada pandemik dan pemulihan ini bermakna kita kembali menjalani kehidupan secara normal. Seiring dengan itu, ia membuka peluang kepada Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) untuk mengisi kalender kami dengan inisiatif yang memberi impak bermakna. Yayasan memanfaatkan kekuatannya dan bersama dengan rakan-rakan, kami terus memperteguh peranan kami sebagai pengintegrasikan sistem di antara Johor Corporation (JCorp) dan Syarikat Kumpulannya serta pelbagai pihak luar yang berkepentingan demi melaksanakan agenda kelestarian dan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Kumpulan.

Hala tuju Perancangan Strategik 2024-2028 Yayasan JCorp yang dirangka pada 2023 telah membawa hasil apabila kami berjaya merealisasikan inisiatif berpaksikan empat bidang fokus utama, iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar dan Kesejahteraan Komuniti. Setiap satu daripada bidang fokus tersebut terus mencatatkan pencapaian penting yang memangkin kemajuan serta kesan yang mampan.

ROZAINI MOHD SANI
Pengerusi Yayasan Johor



**IMBAS UNTUK
MENONTON VIDEO
PENGERUSI**

PERUTUSAN PENGERUSI



PENGIKTIRAFAN TERHADAP RAKAN-RAKAN KAMI

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut berganding bahu melancarkan perjalanan Yayasan JCorp. Ucapan terima kasih ini saya tujuarkan kepada para pemegang taruh, pihak berkuasa dan pengawal selia, terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor atas sokongan dan pandangan mereka sehingga membolehkan matlamat kami direalisasi dengan berkesan.

Kepada rakan-rakan kami yang lain, termasuk JCorp dan Syarikat Kumpulannya, Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC), Yayasan Temasek, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Southern Volunteers, terima kasih kerana turut berkongsi visi kami dalam memupuk perubahan positif.

PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini juga, saya ingin meraikan kehadiran dan mengucapkan selamat datang kepada Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp yang baharu, di samping turut menggalas tugas sebagai Head of Sustainability JCorp. Saya percaya di bawah kepimpinannya, Yayasan JCorp mampu mengorak langkah lebih jauh dan bermakna dalam memacu inisiatif kelestarian kami demi kebaikan komuniti serta alam sekitar dengan menetapkan tanda aras untuk berdiri sama tinggi, sebaris yayasan antarabangsa yang lain.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih turut saya tujuarkan kepada warga kerja, sukarelawan dan anggota komuniti kami kerana terus menyokong peranan kami sebagai pengintegrasikan sistem. Berbekalkan semangat yang cekal dalam menempuh tahun mendatang, diharapkan semoga kami dapat terus menzahirkan impak yang bermakna dengan meningkatkan kehidupan dan membina masa depan yang lebih baik untuk semua.



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“

Saya amat berbesar hati dapat mengemukakan Laporan Tahunan 2023 Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan yang baharu serta Head of the Group Sustainability bagi Johor Corporation (JCorp).

Tahun 2023 merupakan tahun yang produktif dalam merealisasi objektif kami bagi memupuk masa depan yang makmur, mampan serta cemerlang untuk komuniti kami dan pada masa yang sama memainkan peranan kami untuk alam sekitar. Ia juga merupakan tahun yang penting, kerana kami telah mengukir peranan tersendiri sebagai pengintegrasikan sistem di antara JCorp dan Syarikat Kumpulannya serta semua pihak luar yang bergerak sejajar dengan matlamat yang kami perjuangkan.

Kami terus mengundang penglibatan komuniti untuk memacu pertumbuhan yang mampan melalui empat bidang fokus, iaitu Pendidikan; Seni, Budaya dan Warisan; Alam Sekitar serta Kesejahteraan Komuniti. Di samping ia adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kami turut menyedari bahawa satu-satunya cara untuk melaksanakan perubahan positif adalah melalui impak yang boleh diukur serta ketara.

”

ZAIDATUL ZURITA ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif



**IMBAS UNTUK
MENONTON
VIDEO CEO**



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



RM6.6 juta

untuk membiayai pelbagai program CSR, yang mengundang penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan

PERBELANJAAN PADA 2023

Pada 2023, Yayasan JCorp telah menyumbang sejumlah RM6.6 juta untuk membiayai pelbagai program CSR melibatkan komuniti dan pihak berkepentingan. Sumbangan ini telah dibiayai oleh JCorp serta Syarikat Kumpulannya, di samping sumbangan daripada luar. Selain itu, sepanjang tahun 2023, Yayasan turut menerima sumbangan dalam bentuk barang merangkumi buku, komputer, anak benih dan sumbangan tenaga serta masa sebagai sukarelawan daripada rakan strategik kami.

MENINJAU MASA DEPAN DENGAN PENUH HARAPAN

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp yang baharu, saya akan terus memperkuuh legasi yang ditinggalkan oleh mereka yang terdahulu daripada saya. Aspirasi saya dalam menerajui Yayasan ini adalah untuk melangkah melangkaui Johor dengan membawa skop kami ke peringkat nasional dan global.

Masa depan Yayasan terletak pada usaha menzahirkan impak yang lebih hebat untuk para pemegang taruh kami. Bersandarkan hala tuju ini, Yayasan JCorp telah memulakan Perancangan Strategik 2024-2028 merangkumi lima strategi utama. Strategi ini bermatlamat menjana pertumbuhan Yayasan secara mampu dan membantu membina jenamanya yang tersendiri agar kami dikenali kerana sokongan kami terhadap ESG, kerjasama, kemahiran digital serta inovasi.

Justeru, kami percaya bahawa menyepadukan pendigitalan ke dalam proses kami akan memudahkan proses pembiayaan dan meluaskan jangkauan kami kepada mereka yang berpotensi menjadi rakan serta komuniti kami. Ia juga membolehkan program kami dilaksanakan dengan lebih cekap di samping berupaya memberi impak. Ini akan membawa kepada perangkaan strategi yang lebih baik agar kami benar-benar dapat melakukan perubahan dalam kehidupan orang ramai.



PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada JCorp dan Syarikat Kumpulan kerana membantu merealisasikan inisiatif kami. Rasa syukur ini turut ditujukan kepada rakan-rakan yang telah bekerjasama dengan kami sepanjang tahun ini, termasuk pihak berkuasa dan pengawal selia, yayasan, sukarelawan dan pengamal media. Akhir kata, saya ingin berterima kasih kepada pasukan yang berdiri teguh di belakang Yayasan JCorp, kerana terus meyakini serta memegang iltizam yang teguh terhadap nilai dan tindakan kami tanpa mengenal jemu. Sambil kita melangkah memasuki satu lagi tahun yang bakal diwarnai oleh inisiatif dan kerjasama yang bermakna, marilah kita menghayati visi yang dikongsi bersama, iaitu menzahirkan impak yang berkekalan terhadap masyarakat dan memastikan dapat mewariskan suatu perubahan positif untuk generasi akan datang.

BIDANG FOKUS:

PENDIDIKAN



PENDIDIKAN



**Memperkasa
Masyarakat
Melalui
Pendidikan**

“

Kami berhasrat memupuk modal insan berkualiti dan menyumbang ke arah kemajuan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan mengutamakan pendidikan.

Selama lebih 25 tahun, kami telah memperkasa komuniti melalui program pendidikan yang tertumpu kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, kecelikan digital dan keusahawanan, khususnya untuk pelajar B40 yang kurang bernasib baik. Dalam menjayakan program ini, kami telah berkolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Jabatan Pendidikan Negeri Johor, syarikat swasta dan banyak lagi.

Pada 2023, bidang fokus Pendidikan kami telah menyempurnakan inisiatif berikut:

Menyumbang papan pintar serta TV pintar kepada **20 buah sekolah menengah dan rendah di Johor**

Sumbangan berjumlah **RM1.33 juta dalam inisiatif pendidikan**

10 program dilaksanakan dengan disertai oleh lebih **4,000 pelajar dari **106** buah sekolah dan universiti**


Melibatkan lebih **40 anggota pekerja yang membantu kami melaksanakan program**

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

Bantuan Pendidikan IPT Yayasan JCorp terus memberi manfaat kepada keluarga dan pelajar B40 di institusi pengajian tinggi di seluruh negara dengan meringankan beban kewangan mereka dalam menuntut ilmu.

Pada 2023, kami membantu 217 pelajar B40, dengan jumlah sumbangan sebanyak RM180,000.

Lebih daripada 1,424 orang penerima telah memperoleh manfaat daripada Bantuan Pendidikan IPT Yayasan JCorp dengan jumlah disumbangkan sebanyak RM786,689.



BIDANG FOKUS:

PENDIDIKAN**1**

Perintis Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk Sekolah Menengah Harian di Malaysia



**IMBAS UNTUK
MAKLUMAT LANJUT**

Yayasan JCorp telah menandatangani NoU dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) serta QSR Stores Sdn Bhd pada Oktober 2023 bagi melancarkan Program SLDN untuk sekolah menengah harian di Malaysia demi membentuk pekerja berpengetahuan (K-pekerja) yang memiliki kecekapan teknikal, sosial, kemanusiaan dan pembelajaran. Program SLDN melibatkan 70-80 peratus Latihan Amali (berasaskan prestasi) manakala baki 20-30 peratus adalah Pembelajaran Teori (berasaskan pengetahuan). Program ini bertujuan menyediakan pendidikan alternatif, sekali gus menyokong matlamat kerajaan dalam membangunkan tenaga kerja tempatan yang mahir dan meningkatkan fokus Yayasan JCorp terhadap pendidikan. Ia mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Wilayah Selatan.

Bagi projek rintis ini, seramai 12 orang pelajar SMK Tun Syed Nasir Ismail dan 13 orang pelajar SMK Majidi Baru 2, Johor Bahru, telah ditempatkan di enam restoran KFC yang terpilih di Johor untuk menjalani program latihan penyediaan makanan segera selama dua tahun. Pelajar-pelajar ini telah menjalani program induksi di Pusat Latihan KFC Nusa Bestari dan menerima suntikan imunisasi, pakaian seragam serta elauan latihan. Setelah menyempurnakan program ini, perintis yang layak akan menerima sijil daripada QSR, Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 daripada JPK dan Sijil MPAK serta SPM daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

IMPAK

25 pelajar
menyertai program

**Penyertaan
enam**
restoran KFC

**Lebih 14 orang
anggota pekerja**
dari pelbagai bidang, termasuk
penasihat teknikal, guru dan pegawai
JPNJ terlibat dalam memantau
keberkesanan program

Memenuhi UNSDG:

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN



BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

2

Meningkatkan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Penglibatan Yayasan JCorp dalam program penguasaan Bahasa Inggeris telah bermula pada 2012 menerusi projek tuisyen yang dijalankan di sekolah-sekolah terpilih di negeri Johor. Ia juga sejajar dengan perkembangan pelbagai industri pada masa ini, yang menekankan Bahasa Inggeris untuk mendapat pekerjaan. Pada tahun ini, kami telah mengendali pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.



Pertandingan bicara berirama pertama di Johor

Kami telah menganjurkan pertandingan peringkat negeri pada 25 dan 26 September dengan kerjasama JPNJ. Bertemakan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, turut diadakan pameran oleh SWM Environment serta Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, selaras dengan tema yang didukung sepanjang program tersebut.

IMPAK

22

buah sekolah rendah dan menengah dari 11 daerah di Johor menyertai pertandingan tersebut, yang melibatkan 504 pelajar

Hadiah bernilai

RM10,800

telah disampaikan kepada pemenang

Lebih daripada

sejuta tontonan

di laman Facebook Yayasan JCorp

Memenuhi UNSDG:





Karnival English Unity

Karnival ini telah berlangsung dari 4 hingga 6 Julai dan melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah yang mengambil bahagian dalam pertandingan bercerita, pengucapan awam, Scrabble, deklamasi puisi, mengeja, mini dokumentari, serta ucapan spontan bertemakan JC Corp. Melalui aktiviti tersebut, kami berhasrat memupuk dan meningkatkan kesedaran, pemahaman serta penghayatan terhadap Bahasa Inggeris dalam bentuk pertandingan dan mewujudkan persaingan positif berlandaskan pendekatan interaktif. 10 pelajar terbaik dalam pertandingan ucapan spontan telah menerima Anugerah Khas Yayasan JC Corp.

IMPAK

Penyertaan

535

pelajar sekolah rendah dan menengah

Memenuhi UNSDG:



4 QUALITY EDUCATION
17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

Majlis Penyerahan Modul dan “Training of Trainers SPM Bridging B1”

Dengan kerjasama JPNJ, kami berjaya mengadakan majlis penyerahan yang diadakan di Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada 18 September 2023. Di bawah inisiatif ini, Yayasan JC Corp telah membangunkan modul Bahasa Inggeris untuk guru dan pelajar.

IMPAK

22

bah se sekolah menengah telah dipilih untuk menyertai projek tuisyen Bahasa Inggeris dan menerima modul yang dibangunkan, serta digunakan sebagai alat bantu mengajar dan pembelajaran.

970

modul telah dicetak, diedarkan kepada pelajar, guru dan Pegawai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah di setiap Pejabat Pendidikan Daerah

Memenuhi UNSDG:



4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

3

Membaiyai Pendidikan Perakaunan Profesional (Biasiswa ACCA)

Program sokongan pendidikan di Yayasan JCorp memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekuiti dengan memperluas peluang kepada individu yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti tinggi. Selama hampir lapan tahun, kami telah membantu pelajar B40 mendapatkan kelayakan Persatuan Akauntan

Bertauliah Berkanun (ACCA) dengan memberi mereka biasiswa. Penajaan pendidikan ACCA ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif Program Perakaunan Berkanun JCorp bagi menyokong pembangunan modal insan dalam bidang profesional di negara ini, yang melibatkan peruntukan berjumlah RM2.7 juta.



IMPAK

Sebanyak
RM300,000
telah disumbangkan bagi membantu 10 orang pelajar di Tymba Education College, Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini, lima daripadanya sedang mengikuti kursus selama empat tahun dalam Asas Perakaunan ACCA, manakala tiga lagi sedang menjalani kursus ACCA selama dua tahun

4

Memperkasa Program STEM

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan bakat STEM yang mahir, kami telah meneruskan inisiatif yang kami mulai dari 2022 demi memenuhi keperluan bakat pada masa hadapan. Pada 2023, di bawah tema pertanian bandar dan cetakan 3D yang kami cadangkan, kami telah mengadakan lawatan ke pelbagai tempat bagi memperkaya perjalanan dan pengetahuan agar dapat membawa kami selangkah lebih dekat ke arah merealisasi matlamat kami. Ia termasuk:

10 buah sekolah terpilih untuk melihat potensi mereka bagi projek Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Jabatan Pertanian Johor

Sesi perkongsian Amalan Terbaik dalam penggunaan teknologi untuk pertanian di 10 buah sekolah

Yayasan Temasek dan National Institute of Education (NIE), Singapura membentangkan pelan projek STEM



IMPAK

Membina

rumah hijau pintar dengan sistem IoT di SMK Bandar Baru Uda sebagai projek rintis

Penglibatan

5 buah sekolah

dalam kajian asas yang dijalankan oleh NIE

Lebih

800 jenis sayur-sayuran

dikawal, dipantau secara dalam talian dan dikendali oleh komuniti

Lebih daripada

100kg

sayur-sayuran dihasilkan sejak 2021

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

5

Menerapkan Semangat Inovasi dalam kalangan Pelajar

Dengan kerjasama JPNJ, kami telah menganjurkan program "Nextgen Innovators: Sustainable Solutions for a Greater Future" pada Oktober 2023 bagi membangkitkan kreativiti dan inovasi dengan menggalakkan pelajar meneroka bidang keusahawanan. Di samping itu, program ini juga membantu membangunkan kemahiran kepimpinan dan komunikasi dengan menghubungkan mereka kepada pakar industri bagi pendedahan alam pekerja sebenar. Acara kemuncak program telah dijayakan di Asia Pacific Climate Week (APCW) 2023.



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT

IMPAK

80 peserta

dari 20 buah sekolah rendah dan menengah seluruh Johor

Dihadiri oleh lebih daripada

100 penonton

termasuk delegasi antarabangsa dari APCW

Lebih daripada

4,000 tontonan

di laman Facebook Yayasan JCorp

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN



BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

6 Program Latihan Industri

Yayasan JCorp menumpukan usahanya khusus untuk memupuk tenaga kerja yang cekap melalui Program Latihan Industri dan inisiatif berasaskan kemahiran. Objektif utama adalah untuk memberi pelajar kemahiran praktikal yang penting untuk pasaran kerja hari ini. Tambahan lagi, inisiatif ini

menawarkan peluang latihan industri di JCorp dan Syarikat Kumpulan serta rakan kerjasama yang lain. Yayasan bermatlamat membentuk golongan profesional berkemahiran dan dapat memacu pertumbuhan dalam pelbagai industri, khususnya di Johor.

Terdapat lima kategori persijilan:

Tahap

- 1 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- 2 SKM
- 3 SKM
- 4 Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)
- 5 Diploma Kemahiran Lanjutan Malaysia (DLKM)



IMPAK

Sejumlah

315 peserta

menerima manfaat sejak 2020-2023 dengan 73 peserta mendapat pekerjaan dan 242 peserta melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi

Memenuhi UNSDG:



“Saya mengambil bahagian dalam Program Latihan Industri dan Kemahiran Yayasan JCorp pada 2022, dan kini saya seorang juruteknik am di sebuah hotel. Saya berharap lebih ramai pelajar mempertimbangkan TVET kerana pelbagai peluang pekerjaan yang ada di luar sana.”

~Rismah Alya Adriana Md Rais, Alumni SMK Easter, Kota Tinggi (Elektrik)

7

Tuisyen Yayasan JCorp

Yayasan JCorp dan Syarikat-syarikat di bawah Kumpulan JCorp telah memulakan projek tuisyen sekolah menengah yang bertujuan meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM). Dengan kerjasama Unit TVET JPNJ, projek ini tertumpu kepada Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) iaitu Perniagaan, Ekonomi, Perakaunan dan juga Bahasa Inggeris.



IMPAK

Seramai

**1,950
pelajar**

dari 15 buah sekolah
menengah seluruh Johor
mencapai kadar kelulusan
luar biasa 100% dalam
peperiksaan SPM 2023

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
SENI, BUDAYA DAN WARISAN



SENI, BUDAYA DAN WARISAN



MEMELIHARA SENI, BUDAYA DAN WARISAN KAMI

“

Yayasan JCorp terus memainkan peranan kami dalam memelihara seni, budaya dan warisan kerana ia merupakan medan untuk mendidik, memiliki daya tarikan dan pengaruh terhadap masyarakat, di samping dapat memupuk bakat dan kreativiti.

Yayasan menjalin kerjasama dengan para artis, Balai Seni Lukis Negara dan Yayasan Warisan Johor (YWJ) serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bagi melaksanakan program demi memelihara budaya, meraikan seni serta mempromosi bakat seni tempatan.

Pencapaian kami pada 2023 mencakupi:

RM803,000 diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif kepada penganjuran acara

Melibatkan 6 acara

Menyokong 520 artis dan usahawan tempatan

Menarik penglibatan lebih 30,000 orang daripada komuniti setempat serta pelancong tempatan dan antarabangsa

BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

1

Forum “Memperkasa Jati Diri menerusi Sejarah, Budaya dan Warisan”

Forum boleh menjadi medan yang mengundang penglibatan komuniti dalam perbincangan, berkongsi cerita dan bertukar ilmu pengetahuan tentang sejarah, budaya dan warisan. Pada 13 Februari 2023, Yayasan JCorp telah menganjurkan forum bertajuk “Memperkasa Jati Diri menerusi Sejarah, Budaya dan Warisan” bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan disokong oleh Yayasan Warisan Johor (YWJ) serta Persatuan Sejarah Malaysia.

Program ini menjadi titik permulaan tumpuan Yayasan JCorp terhadap seni, budaya dan warisan. Dengan fokus kepada topik yang berkaitan dengan jati diri, sejarah negeri Johor dan 11 titik jati diri Bangsa Johor, forum tersebut mendapat sambutan positif daripada para peserta termasuk yang menonton secara online. Meneruskan inisiatif dalam ruang lingkup ini pada masa hadapan, kami merancang untuk menjalin kerjasama dengan KPJ Healthcare Berhad untuk menujuhan galeri seni di hospital KPJ terpilih, khususnya di Johor.

IMPAK

400

peserta hadir secara fizikal dan melalui platform dalam talian

Memenuhi UNSDG:

**IMBAS UNTUK
MAKLUMAT LANJUT**



BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

2

B5 Johor Street Market sebagai Hab Kreatif

Festival Sajian Makanan Tradisi Johor 2023

Kami telah menganjurkan pesta makanan di B5 Johor Street Market bermula 28 hingga 30 Julai, dengan tujuan menyediakan suatu platform bagi para usahawan makanan tradisional mempromosi kemahiran memasak mereka dan menjana pendapatan. Para pengunjung juga berpeluang mempelajari masakan tradisi Johor dan mengambil bahagian dalam penyediaan telur pindang dan Laksa Johor. Orang ramai turut dihiburkan dengan persembahan oleh "Johor Kids Got Talent", Malam Gala Buskers di samping menyertai pelbagai pertandingan, termasuk pertandingan Gubahan Hantaran dan Ratu Kebaya Johor.

IMPAK

Mencatatkan

4,875 orang pengunjung

Menjana

RM36,000 hasil jualan

Memenuhi UNSDG:




"Festival Sajian Tradisi Johor 2023 ini memang bagus kerana ia dapat melonjakkan ekonomi dan meningkatkan martabat sajian tradisi Johor."

- Muhammad Zafiuin, pengunjung



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT



BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

Zapin Yok! @ B5 Johor Street Market

Pada 26 Ogos 2023, kami menjalin kerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Johor serta Persatuan Zapin Johor (Pe-Zapin) menganjurkan Zapin Yok! Program tersebut mengetengahkan variasi Zapin Johor yang berkonsepkan "Main Zapin" dengan menggabungkan sketsa serta teater dalam tarian zapin. Bagi menarik minat pengunjung, bengkel zapin telah diadakan bagi mempersembahkan 15 variasi tarian tersebut.

Selain itu, program tersebut turut menjadi medan bagi pengamal seni serta artis menjana pendapatan tambahan kerana acara tersebut turut menampilkan trak makanan dan jualan but kereta.

IMPAK

**Menarik
2,500**
orang pengunjung dan pelancong asing

**Memberi manfaat kepada
450**
orang peserta daripada persatuan
kebudayaan dan kesenian, artis budaya serta
pelajar sekolah rendah dan menengah

**Menjana pendapatan sebanyak
RM10,000**
untuk 20 usahawan artisan

Memenuhi UNSDG:

**IMBAS UNTUK MAKLUMAT
LANJUT**



BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

3

Seni Mural dengan Naratif Unik

Mural juga boleh digunakan sebagai platform untuk meraikan kaitan antara seni, naratif dan kelestarian. Bersama dengan Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn, kami mencorakkan naratif baharu terhadap imej serta jenama hospital pakar yang terletak di Selatan tanah air menerusi seni mural artis tempatan, iaitu Tuan Mulo. Mural di kawasan parkir hospital tersebut memaparkan pencapaian hospital selama lima tahun mulai 2019 hingga 2023, justeru berfungsi sebagai wadah untuk mempamerkan karya seni artis tempatan, menjana pendapatan tambahan dan sebagai daya tarikan hospital.



BIDANG FOKUS:
SENI, BUDAYA DAN WARISAN



IMPAK

RM50,000

pendapatan dijana oleh artis
tempatan

**16 artis
tempatan**

menerima manfaat daripada
program ini

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

4

Pameran Seni Visual Antarabangsa

Yayasan JCorp dengan kerjasama Pusat Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan pameran seni antarabangsa bermula 4 hingga 15 Oktober. Pameran bertajuk “Vision Unveiled: The Interaction of Arts Through Conventional and Digital Exhibition” telah diadakan di Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, Johor Bahru. Karya seni tersebut termasuk dari Malaysia, United Kingdom, Vietnam, Kemboja, Thailand, Australia, Singapura dan Indonesia, dipamerkan dan menjadi tarikan kepada para pengunjung dan pengumpul seni dari seluruh dunia. Di samping itu, sebuah forum yang membincangkan tentang transformasi seni dalam konteks pendidikan dan kerjaya turut diadakan semasa berlangsungnya pameran seni antarabangsa tersebut.



IMPAK

Dihadiri oleh

4,000

pengunjung tempatan dan antarabangsa

Mempromosi karya seni

14 artis tempatan

RM10,000

hasil jualan karya seni sepanjang berlangsungnya pameran

150

buah karya seni dipamerkan secara fizikal dan dalam talian

Memenuhi UNSDG:



**IMBAS UNTUK MAKLUMAT
LANJUT**

BIDANG FOKUS:

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

5

Local Bites and Fruits Delights Festival

Dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru, Yayasan JCorp menganjurkan “Local Bites and Fruit Delights Fest@ APCW 2023” pada 14 hingga 17 November. Acara tersebut diadakan sempena Asia Pacific Climate Week (APCW) bagi menggalakkan para pengunjung menikmati juadah tradisi serta buah-buahan tempatan sambil menghayati persembahan kebudayaan dan kesenian.

**IMPAK**

RM60,000

disumbangkan kepada 50 artis budaya untuk persembahan mereka sepanjang empat hari berlangsungnya acara

19 penjual

menyertai acara tersebut

Jualan daripada trak makanan dan buah-buahan menjana pendapatan sejumlah

RM42,000

Menarik lebih

2,500

pengunjung dan pelancong dalam dan luar negara

Memenuhi UNSDG:



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT



BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR



ALAM SEKITAR



**Usaha
Digabungkan
demi
Menghijaukan
Masa Depan**

“

**Di Yayasan JCorp,
kami percaya bahawa
memelihara dan
memulihara alam sekitar
merupakan tanggungjawab
kolektif untuk melindungi
kedua-dua manusia dan
bumi ini. Selaras dengan
Agenda ESG 2022-2026
JCorp, program alam
sekitar kami tertumpu
kepada:**



**Pemeliharaan Alam
Semula Jadi dan
Sungai**



Penanaman Pokok



Inisiatif Kitar Semula



Pemuliharaan Marin

BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR

Pada tahun 2023, kami telah:

Memperuntukkan
RM1.8 juta bagi
inisiatif alam
sekitar

Penglibatan lebih
1,000 peserta
menerusi aktiviti
yang dijayakan

Menyumbang
kepada lebih **1,000**
penerima manfaat
daripada pelbagai
komuniti

4 projek utama
berjaya dilaksanakan

2023

Menanam **100** pokok
bakau

Bekerjasama
dengan lebih **10**
rakan strategik

Dibantu oleh lebih
50 Sukarelawan
Sahabat YJC

Mengumpul lebih
300 kg sampah
daripada aktiviti
pembersihan



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**1**

Penanaman Pokok Bakau dan Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH)

Yayasan JCorp bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan program penanaman pokok bakau dan program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor. Program disertai Sukarelawan Sahabat YJC dan sukarelawan UTM dan juga 20 komuniti Tanjung Piai. Sebelum ini, program KUDAH pernah

dianjurkan di lokasi lain dan Yayasan memilih untuk menggabungkan program ini dengan aktiviti penanaman pokok bakau sebagai langkah tambahan bagi meningkatkan kesedaran. Dalam jangka panjang, sumbangan kami kepada habitat bakau akan membolehkan kawasan ini beroperasi sebagai lokasi ekopelancongan dan dapat memacu pertumbuhan ekonomi Johor.



BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR

IMPAK

Lebih

100

sukarelawan menyertai inisiatif ini

Lebih daripada

100

anak pokok bakau ditanam

100 kg

sampah dikutip

Memberi manfaat kepada

100

orang dalam komuniti

Memenuhi UNSDG:



**IMBAS UNTUK MAKLUMAT
LANJUT**



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**2****Sambutan Hari Sungai Sedunia 2023****IMPAK****200 sukarelawan**

menyertai sambutan ini

132 pesertayang terdiri daripada fasilitator, pelajar,
guru dan anggota masyarakat setempat
menghadiri program “Train the Trainers”**282 kg**

sampah dikutip

Memenuhi UNSDG:

**IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT**

Bersama-sama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yayasan JCorp menganjurkan program kemasyarakatan di Kampung Sungai Melayu dan Sungai Pendas, Johor Bahru, bagi meraikan Hari Sungai Sedunia 2023. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat setempat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar yang merangkumi kedua-dua hidupan akuatik dan darat, di samping beramah mesra dengan komuniti tempatan melalui aktiviti pemuliharaan alam sekitar sambil memupuk hubungan lebih erat dengan alam sekitar.

Pada acara tersebut, UTM dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia turut berkesempatan melaksanakan program “Train the Trainers” yang terdiri daripada



BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR

tujuh modul kelestarian sungai dan menjadi sumber pendidikan serta pengetahuan praktikal mengenai pemeliharaan ekosistem sungai dan biodiversiti. Melalui program sebegini, ia berusaha menerapkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap alam sekitar dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Melayu dan Sungai Pendas, sekali gus menyumbang kepada kelestarian keseluruhan lingkungan kawasan tersebut. Acara ini turut menampilkan pameran tentang modul tebing sungai, sekolah biodiversiti oleh SK Sungai Melayu, jualan produk Southern Valley, pemeriksaan kesihatan percuma oleh Hospital Pakar KPJ Johor serta aktiviti pembersihan.



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**3**


Rehabilitasi Terumbu Karang

Buat julung-julung kalinya, kami menganjurkan program pemuliharaan terumbu karang di Pulau Aur, Mersing. Inisiatif ini melibatkan anggota pekerja JCorp dan Syarikat Dalam Kumpulan, termasuk Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, JLand Group Sdn Bhd dan Damansara Holdings Berhad.

Objektif program ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pemuliharaan alam sekitar, termasuk pemeliharaan hidupan marin. Inisiatif ini juga sebagai menyokong usaha kerajaan negeri dalam melindungi kawasan terumbu karang di perairan taman laut Johor daripada kepupusan, di samping memberi nilai tambah kepada industri pelancongan di daerah kepulauan Mersing. Di samping itu, program ini juga berusaha mengeratkan hubungan antara anggota pekerja Kumpulan JCorp dan masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti, termasuk pembersihan kawasan pantai dan tanah perkuburan, memasak bersama penduduk kampung dan sumbangan kewangan.



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**IMPAK**

Lebih

40 anggota pekerja
daripada organisasi berbeza menyertai
aktiviti**50**

terumbu karang ditanam

110

penduduk tempatan menyertai aktiviti

38 keluargamenerima manfaat daripada sumbangan
kewangan

Wang tunai berjumlah

RM10,500disumbangkan kepada penduduk
kampung, pelajar sekolah dan aktiviti
kemasyarakatan**Memenuhi UNSDG:**

BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR

4

Program Sayangi Sungai Johor

Sungai Johor dipilih bagi program kesedaran tentang pemuliharaan sungai dan kualiti air kerana ia merupakan tapak penyelidikan dan sumber air utama bagi selatan Johor. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti pemeriksaan kesihatan percuma oleh KPJ Healthcare University College Johor Bahru, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, di samping kuiz dan pameran oleh agensi berkaitan.



“Sungai yang bersih dan persekitaran yang menyegarkan akan sentiasa menjadi tarikan utama pelancong ke Johor. Marilah kita menghargai alam sekitar dengan tidak membuang sampah di mana-mana sahaja yang kita mahu kerana ia menyebabkan pencemaran air dan alam sekitar. Kami berterima kasih kepada Yayasan JCorp kerana membenarkan kami mengambil bahagian dalam projek ini dan menjadi sebahagian daripadanya.”

~ Puan Nurul Farhana Ayub, Pensyarah Kejururawatan KPJ International College, Johor Bahru

IMPAK

100
sukarelawan UTM

20
Sukarelawan Sahabat YJC terdiri daripada pelajar KPJUC

Menyedari

kepentingan Sungai Johor sebagai sumber air utama di Selatan Johor, kami telah memilih Lembangan Sungai Johor sebagai tapak kajian untuk negara

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**5****Karnival Lestari Muar**

Yayasan JCorp telah menaja karnival ini, yang diadakan di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Bandar Universiti Pagoh, Muar. Acara ini bertujuan menjadikan masyarakat cakna terhadap isu alam sekitar, menggalakkan amalan lestari dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Pelbagai aktiviti telah dijayakan seperti pameran alam sekitar, perkongsian pengetahuan tentang teknologi pertanian, perkongsian ilmu mengenai terarium, pertandingan Muo membentuk arca melalui penggunaan semula barang (up-cycle) serta gerai tapak semaian. Selain itu, bengkel mengenai baja organik dan sesi penyediaan bebola lumpur turut diadakan untuk memupuk amalan pertanian lestari serta meningkatkan kesuburan tanah. Peserta telah diajar kaedah pembajaan organik dan bagaimana bebola lumpur boleh meningkatkan kualiti air dan biodiversiti dalam ekosistem akuatik.



BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR



IMPAK

300 pelajar sekolah

menerima manfaat daripada program menerusi sesi perkongsian ilmu

Sebanyak
RM10,000
telah disalurkan

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

ALAM SEKITAR**6**

Hab Kitar Semula

Bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan SWM Environment, Yayasan JCorp telah menubuhkan Hab Kitar Semula di B5 Johor Street Market, Johor Bahru. Inisiatif ini bermula pada November 2023, merupakan langkah untuk mewujudkan aktiviti kitar semula sisa pepejal yang lebih teratur dan sistematik yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

B5 Johor Street Market dipilih sebagai hab kerana lokasinya yang strategik dan mudah diakses, terutamanya oleh penduduk berhampiran. Inisiatif ini juga bertujuan memperkasa kewujudan sebuah bandar yang hijau, lestari dan rendah karbon sambil memudahkan penghantaran barang kitar semula untuk komuniti Johor Bahru, seterusnya membolehkan ahli komuniti memperoleh ganjaran yang boleh ditebus dengan wang tunai di bawah program KITARcycle.

Kemudahan ini dibahagikan kepada empat kategori:

**Plastik****Kertas****E-Waste****Bahan-bahan lain****IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT**

BIDANG FOKUS:
ALAM SEKITAR



Setakat Februari 2024, hab ini telah mengumpul sebanyak:

288.4 kg
sampah untuk KITARcycle

270 kg
bahan fabrik

576.7 kg
minyak masak terpakai

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
KESEJAHTERAAN KOMUNITI



KESEJAHTERAAN KOMUNITI



**Membina
Komuniti
Berdaya Tahan**

“

Yayasan JCorp mengiktiraf kepentingan memupuk komuniti yang berdaya tahan dan mengutamakan kesejahteraan komuniti bagi memastikan pembangunan yang lestari, menangani cabaran sosial dan meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan. Berganding bahu dengan pihak berkepentingan, kami berusaha menyemai benih kemakmuran jangka panjang, agar memberi impak terhadap kehidupan mereka yang memerlukan.

Beberapa inisiatif kami di bawah bidang fokus Kesejahteraan Komuniti saling berkait dengan bidang fokus Alam Sekitar, kerana program komuniti kerap merangkumi usaha penjagaan alam sekitar dan kelestarian, iaitu suatu rangka pendekatan holistik yang memakmurkan manusia dan bumi ini.



**IMBAS UNTUK MAKLUMAT
LANJUT**

BIDANG FOKUS:
KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Sumbangan kami untuk tahun ini termasuk:

RM1.4 juta diperuntukkan untuk kebajikan, kesihatan, bantuan bencana dan projek YKTLJ

Memberi manfaat kepada 10,000 individu

Melibatkan 500 sukarelawan

Sumbangan kami, baik dalam bentuk barang dan wang tunai, disalurkan kepada pelbagai inisiatif:

1 Meningkatkan Kehidupan Pesakit Kanser

Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ)

○ Laksamana Run	RM70,000
○ Menaik taraf Taman Rekreasi Tunku Laksamana Johor di Hospital Permai	RM123,000
○ Lights of Hope - <i>Charity Dinner</i>	RM50,000



IMPAK

RM830,000
disalurkan kepada YKTLJ
sejak 2016

215
pesakit kanser

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Pinktober Run JB 2023

Yayasan JCorp telah menyumbang sempena Pinktober Run JB 2023 anjuran Co-Action Event Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru. Acara tersebut bermatlamat mendidik tentang kanser payudara dan menggalakkan pengesanan awal oleh semua lapisan masyarakat, di samping mempromosi gaya hidup sihat. Malah, acara tersebut turut memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan dalam komuniti dari pelbagai latar belakang.



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT

IMPAK

RM50,000

disalurkan pada acara tersebut

1,300

peserta pelbagai peringkat usia dan kaum menyertai larian amal ini

RM100,000

disumbangkan sejak 2022 untuk acara larian amal ini

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Pink October Lunch Talk 2023

Lunch Talk Pink October adalah program kerjasama antara Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang, rangkaian KPJ Wilayah Selatan dan Yayasan JCorp. Ia merupakan kesinambungan kepada Program Kelestarian hospital dan bermatlamat menyokong pengesanan awal serta menggalakkan pemeriksaan penyakit kanser kepada semua golongan, termasuk wanita dan lelaki.

Program ini menyaksikan Yayasan JCorp menaja hadiah untuk pemenang kuiz dalam bentuk pemeriksaan *mamogram* dan *ultrasound*.



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT

IMPAK

Melibatkan

200

tetamu daripada pelbagai syarikat dan agensi

Sejumlah

1,200

tontonan di halaman Facebook Yayasan JCorp

RM2,500diperuntukkan kepada pemenang kuiz (baucar pemeriksaan *mamogram* dan *ultrasound*).

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

2

Usaha kami bersama Cerebral Palsy Johor (CPJ)

Sejak 2020, kami telah menjalankan pelbagai inisiatif menerusi kerjasama dengan CPJ sebagai tanda sokongan kepada mereka yang mengalami cerebral palsy.

Pada 2023, kami mengambil bahagian dalam program berikut:

Menanam Sayur Salad

Mereka yang mengalami cerebral palsy memanfaatkan rumah hijau Persatuan CPJ menerusi program penanaman sayur salad. Bukan sekadar menjana pendapatan, malah, inisiatif ini turut membantu mereka dari sudut fizikal kerana ia dapat meningkatkan pergerakan otot badan, justeru menambah baik koordinasi dan kekuatan motor mereka. Ia juga menjadi terapi bagi mereka apabila dapat berinteraksi dengan alam sekitar serta rakan-rakan lain. Hasil tanaman dijual kepada masyarakat setempat dan wang tersebut disalurkan kembali kepada tabung CPJ. Menerusi usaha ini Yayasan amat mengalu-alukan penglibatan orang ramai, syarikat maupun organisasi untuk sama-sama mendekatkan diri dengan golongan ini bagi membentuk sebuah masyarakat yang terangkum, prihatin dan penyayang.



IMPAK

Hasil penanaman memperoleh

RM800-RM1,000
sebulan sejak Disember 2022

14 orang individu

daripada persatuan menerima manfaat daripada aktiviti ini

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:
KESEJAHTERAAN KOMUNITI

“Pepatah Cina mengatakan, beri seorang lelaki ikan, dan anda memberinya makan untuk sehari. Ajarkan seorang lelaki cara untuk memancing dan anda memberinya makan seumur hidup. Maksudnya, jika kita ingin menolong seseorang, jangan beri apa yang dia perlukan sekarang. Sebaliknya, berikan mereka apa yang mereka perlukan untuk berdikari.”

~Encik Al Asyraf Zulkefli, Pentadbir Kumpulan, Persatuan Cerebral Palsy Johor



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Jualan Amal Pasar Ria Tahunan CPJ

Kami menyokong acara CPJ dengan menggerakkan, menerusi penyertaan, menghantar Sukarelawan Sahabat YJC dari KPJ International College, Johor Bahru, untuk membantu dalam jualan amal selain tajaan kami untuk kupon jualan. Program itu bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar KPJUC dan membantu komuniti CPJ yang memerlukan bantuan fizikal.

IMPAK

10 Sukarelawan Sahabat YJC membantu menjana

RM150,000 dalam bentuk jualan

Penajaan berjumlah
RM10,000
dalam bentuk kupon jualan

Lima persatuan kebajikan

menerima manfaat daripada pembelian kupon jualan

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Meraikan Hari Palsi Serebrum Sedunia 2023

– Yayasan JCorp menyumbang RM100,000 kepada CPJ pada Majlis Makan Malam Gala Sambutan Hari Palsi Serebrum Sedunia 2023. Acara ini berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru, pada 11 Oktober. Sumbangan digunakan bagi tujuan seperti:



- **Membantu** kanak-kanak dan jurulatih yang menghidap palsi serebrum melalui penyediaan teknologi terkini
- **Menaik taraf** kemudahan pemulihan seperti kolam hidroterapi untuk manfaat pelajar palsi serebrum dalam meningkatkan kekuatan otot, koordinasi pergerakan serta keseimbangan
- **Memperkuuh** sistem pendidikan khas CPJ dengan meningkatkan kemahiran dan melatih semula pendidik dan ahli terapi, yang membolehkan mereka menambah baik kemahiran dan peluang pekerjaan
- **Menganjur** program intervensi awal untuk menggalakkan ibu bapa kepada kanak-kanak yang terjejas oleh palsi serebrum menerima pendidikan awal dan terapi yang sesuai sejak kecil, bermula dari lahir hingga lima tahun

IMPAK

RM600,000

disumbangkan sejak 2020

Lapan usahawan

dibentuk melalui bengkel projek Kedai Cenderamata CPJ, suatu inisiatif baharu oleh persatuan

100 penerima manfaat

sumbangan kami, termasuk para pelajar, peserta bengkel, guru dan penyelia

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

3**Misi Bantuan Banjir**

Kami meneruskan usaha membantu mangsa banjir melalui pelbagai program:

**Misi Bantuan Pasca banjir di Johor –
Berganding bahu dengan Southern
Volunteers**

IMPAK**Membantu**

dalam usaha pembersihan pasca banjir

1,000

helai selimut disumbangkan kepada mangsa
banjir

RM101,000

diperuntukkan untuk misi ini

**Misi Bantuan Pasca banjir di Kelantan dan
Selangor**

IMPAK**Membantu**

Anggota pekerja Syarikat di bawah Kumpulan
JCorp yang terjejas akibat banjir

Menyumbang**RM500**

kepada setiap anggota pekerja

Sejumlah**RM170,000**

disumbangkan untuk misi ini



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Kempen Sinar Syawal Mangsa Banjir Johor

IMPAK

Bantuan tunai kepada **30** isi rumah di Kampung Parit Yob,
 Parit Yaani, Batu Pahat, dan **10** isi rumah di Kampung Sepakat Baru, Skudai, Johor Bahru

RM200

disumbangkan kepada setiap mangsa banjir

Sumbangan berjumlah

RM8,000

disalurkan untuk misi ini

Secara keseluruhan, Yayasan JCorp memperuntukkan
RM279,000
 untuk membantu individu
 dan keluarga

Memenuhi UNSDG:



IMBAS UNTUK
 MAKLUMAT
 LANJUT



BIDANG FOKUS:


KESEJAHTERAAN KOMUNITI

4

Program Makanan Percuma

Dibiayai oleh Yayasan JCorp dan dengan kerjasama UTM Johor, program Makanan Percuma ini bertujuan mengatasi masalah keterjaminan makanan dalam kalangan pelajar dengan menyediakan makanan untuk mereka. Makanan disediakan oleh pelajar yang mendaftar dalam Program Asas Penyediaan Makanan dan Pemakanan di bawah Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, di bawah bimbingan tenaga pengajar. Pengalaman praktikal ini memberi pendedahan yang berharga kepada pelajar yang terlibat dalam proses penyediaan makanan.

Selain itu, program ini turut memastikan akses yang konsisten kepada makanan berkhasiat untuk pelajar B40, mendidik peserta mengenai pemakanan dan amalan pemakanan yang sihat, serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam tanggungjawab sosial. Pada masa yang sama, menjadi sukarelawan dan menyumbang tenaga kepada program ini dapat menyuburkan keprihatinan dan menjadikan mereka cakna tentang tanggungjawab bersama.



BIDANG FOKUS:
KESEJAHTERAAN KOMUNITI

IMPAK

1,400

pelajar menjadi penerima
dalam Program Makanan
Percuma

Lebih daripada

RM20,000

diperuntukkan kepada
inisiatif ini

**100
sukarelawan**

terdiri daripada pelajar UTM
merupakan sebahagian
daripada program ini

Memenuhi UNSDG:



BIDANG FOKUS:

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

5**Memakmurkan Ramadan 2023 dengan Sumbangan**

Yayasan JCorp membantu dalam usaha meringankan beban golongan miskin, B40 dan individu berkelainan upaya sepanjang Ramadan dan sebagai persiapan menyambut Aidilfitri. Selain itu, kami juga menggalakkan masyarakat untuk menyumbang dengan menyertai aktiviti yang kami anjurkan melalui Kempen Sinar Syawal untuk mangsa banjir di Johor.

IMPAK**RM45,000**

diperuntukkan untuk membantu golongan miskin, kumpulan B40 dan orang kelainan upaya

2,070

penerima menerima manfaat

50

sukarelawan terlibat dalam aktiviti yang dilaksanakan

Memenuhi UNSDG:

**IMBAS UNTUK
MAKLUMAT LANJUT**

- **Enam kawah bubur lambuk** sempena Program Bubur Lambuk Pandu Lalu Johor FM di Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar, Johor Bahru
- Seramai **120** pelajar asnaf Sekolah Menengah Sains Muar (SAMURA), Johor menerima sumbangan RM100 setiap seorang sebagai sebahagian daripada Program Jelajah Ramadan JohorFM 2023



BIDANG FOKUS:
KESEJAHTERAAN KOMUNITI

- **RM10,000** telah disumbangkan kepada Mutiara Johor Corporation untuk Majlis Khatam Al Quran & Berbuka Puasa di Dewan Mutiara, Kompleks Mutiara Johor Land, Johor Bahru
- **RM1,000** baucar KFC disumbangkan sempena Program Yok Hantar Jajan Raya 3.0 anjuran JohorFM
- Yayasan JCorp menyumbang **700** pek KFC dalam Program Singgah Sahur di Kompleks Kastam dan Imigresen (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru
- Bantuan tunai kepada **30** mangsa banjir di Kampung Parit Yob, Parit Yaani, Batu Pahat, melalui Kempen Sinar Syawal untuk Mangsa Banjir Johor
- **250** pek makanan KFC telah diagihkan oleh Yayasan JCorp kepada anak-anak yatim di Johor Sempena Program Iftar Jamaie Majlis Agama Islam Johor



LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



Berdiri dari kiri ke kanan

- **NUR SYUHADA ZAYADI** Setiausaha, Yayasan JCorp
- **HAJI MOHD HANAFI BIN SAMAD** Pengarah Pendidikan Negeri Johor
- **ROZAINI MOHD SANI** Pengurus Yayasan JCorp
- **HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN** Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
- **HAJI BUKHARI ABD RAHMAN** Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad
- **YB DATO' HAJI YAHYA AHMAD** Mufti Negeri Johor

PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PEMBELIAN DAN KELULUSAN PROGRAM

Peranan:

1. Membincangkan perkara berkaitan barang, peralatan, pelaksanaan program, latihan, pelantikan perunding dan barang hadiah.
2. Bertanggungjawab meluluskan permohonan/pembelian berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan.
3. Kekerapan mesyuarat adalah berdasarkan keperluan atau permintaan daripada Yayasan JCorp.
4. Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Resolusi Pekeliling untuk perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.
5. Sekurang-kurangnya tiga orang ahli mesti hadir untuk mesyuarat dijalankan dan keputusan dibuat.

Senarai Ahli Jawatankuasa

PENGERUSI:

1. **Encik Ahmad Sharifuddin Abdul Rahman**

Pengurus Besar Kanan

Jabatan Perolehan Kumpulan, JCorp

AHLI JAWATANKUASA:

2. **Encik Abdul Rahman Yusoff**

JLG Services Sdn Bhd

3. **Puan Siti Hajar Marhani**

Jabatan Kewangan & Strategi Kewangan

4. **Puan Nur Adilah Nuha Abdullah**

Jabatan Pentadbiran JCorp

5. **Cik Noor Fazidah Mohamed Sharif**

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

Setiausaha

Puan Rosita Md Ali (Yayasan JCorp)

JAWATANKUASA PEMBIAYAAN & PERUNTUKAN PENDIDIKAN PERBADANAN YAYASAN JCOPR

Peranan:

1. Membincang dan menentukan jumlah sumbangan yang perlu diterima oleh pemohon berdasarkan kes yang dikemukakan.
2. Bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan.
3. Memastikan pengurusan yang telus bagi sumbangan yang diperuntukkan.

4. Mesyuarat diadakan berdasarkan keperluan dan permohonan.
5. Kelulusan juga boleh diperolehi melalui Resolusi Pekeliling untuk perkara penting yang memerlukan kelulusan segera.

Senarai Ahli Jawatankuasa

	NAMA	JAWATAN
PENGERUSI	Encik Anizam Bin Jamian	Pengurus Besar/Pegawai Khas kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Presiden serta Ketua Eksekutif
COMMITTEE MEMBERS		
KPJ Healthcare Berhad	Encik Raja Syahiran Bin Raja Ahmad Supian	Pengurus Kanan, Jabatan Kewangan Kumpulan
Johor Plantations Berhad	Ustaz Abdul Rahim Bin Sahalan	Timbalan Pengurus Unit Nilai & Komunikasi
JLand Group Sdn Bhd	Puan Mahani Binti Mohd Amin	Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Korporat
QSR Brand (M) Holding Bhd	Puan Jamalia Binti Ibrahim	Timbalan Ketua Pengurus Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
KPJ Healthcare University	Encik Mohd Helmi Bin Daud	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Setiausaha Yayasan JCorp	1. Puan Norashikin Binti Khamsani 2. Puan Nora Binti Ismail	

PEMATUHAN DAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN INSTITUSI KEMAHIRAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Peranan:

1. Memantau dan menyelaras keperluan majikan dan penempatan pelajar aliran kemahiran.
2. Mengawal kualiti, keperluan dan pematuhan terhadap program.
3. Mewujudkan suatu rangkaian antara keperluan industri dan institusi kemahiran.
4. Pengumpulan data (pusat data) majikan dan pelajar khususnya di negeri Johor.
5. Mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan atau mengikut keperluan atau apabila diminta oleh mana-mana pihak.

Senarai Ahli Jawatankuasa

JAWATANKUASA		NAMA
1.	Pengerusi	Tuan Haji Bukhari Abd Rahman Ketua Eksekutif Waqaf An Nur Corporation Berhad/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan JCorp
Ahli Jawatankuasa		
2.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) Johor	
3.	Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan	
4.	Johor Human Resource Development Corporation (HRDCORP)	
5.	Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI)	
6.	Johor Petroleum Development Corporation (JPDC)	
7.	Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) Wilayah Selatan	
8.	Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ)	
9.	Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang	
10.	Pusat Pembangunan Kemahiran Johor (Johor Skills)	
11.	Institut Kemahiran MARA Johor	
12.	Kolej Komuniti Bandar Penawar	
13.	GIATMARA Johor	
14.	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar	
15.	Kolej Komuniti Pasir Gudang	
Setiausaha		
16.	Yayasan JCorp	

PENYATA KEWANGAN



- | | | | |
|----|---------------------------------|----|------------------------------------|
| 64 | LAPORAN PEMEGANG AMANAH | 71 | NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN |
| 67 | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN | 79 | KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH |
| 68 | PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF | 79 | AKUAN BERKANUN |
| 69 | PENYATA PERUBAHAN EKUITI | 80 | LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI |
| 70 | PENYATA ALIRAN TUNAI | | |

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

Dengan ini para Pemegang Amanah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Yayasan JCorp (“yayasan”) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

1. OBJEKTIF

Objektif penubuhan Yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana untuk tujuan pendidikan, seni, budaya & warisan, alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Tiada perubahan ketara dalam aktiviti di atas sepanjang tahun semasa.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN

	RM
Defisit pendapatan bagi tahun tersebut mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	<u>(773,375)</u>

3. RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindaan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

4. LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Para pemegang amanah yang memegang jawatan semasa tahun kewangan hingga akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini ialah:

Rozaini bin Mohd Sani
Dato' Yahya bin Ahmad
Azman bin Adnan
Bukhari bin Abd Rahman
Md Said bin Md Daimon (meletak jawatan pada 15.10.2023)

5. FAEDAH PEMEGANG AMANAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada seorangpun pemegang amanah yayasan telah menerima atau berhak menerima apa-apa faedah hasil daripada perjanjian yang dibuat oleh yayasan atau syarikat yang berkaitan dengannya dengan pemegang amanah atau dengan firma yang pemegang amanahnya adalah ahli, atau dengan syarikat yang pemegang amanahnya mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada semasa atau pada akhir tahun kewangan, yayasan tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan membolehkan pemegang amanah memperoleh faedah melalui pemerolehan saham atau debentur dalam mana-mana badan korporat.

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

6. IMBUHAN PEMEGANG AMANAH

Tiada imbuhan yang telah dibayar atau akan dibayar kepada para pemegang amanah sepanjang tahun kewangan.

Tiada jaminan perlindungan atau insurans telah disediakan atau dibayar untuk para pemegang amanah atau kakitangan yayasan sepanjang tahun kewangan.

7. IMBUHAN JURUAUDIT

Ganjaran yang dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit yayasan bagi tahun kewangan ialah sebanyak RM5,500.

Tiada jaminan perlindungan atau insurans telah disediakan atau dibayar untuk juruaudit yayasan sepanjang tahun kewangan.

8. MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain dan penyata kedudukan kewangan yayasan dibuat, pemegang amanah telah mengambil langkah yang munasabah untuk:-
 - (i) memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat elauan untuk hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa tidak ada hutang lapuk yang diketahui dan tiada peruntukan untuk rosot nilai diperlukan; dan
 - (ii) memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak mungkin merealisasikan nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam perjalanan biasa perniagaan telah diturunkan nilainya kepada amaun yang dijangka akan terealisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini:-
 - (i) Pemegang Amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan perlunya menghapuskan sebarang hutang lapuk atau membuat apa-apa peruntukan untuk rosot nilai berkenaan dengan penyata kewangan yayasan;
 - (ii) Pemegang Amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan yayasan mengelirukan;
 - (iii) Pemegang Amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kaedah penilaian aset atau liabiliti yayasan yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai;
 - (iv) Pemegang Amanah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan yayasan yang akan menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan;

LAPORAN PARA PEMEGANG AMANAH

8. MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB)

- (b) Pada tarikh laporan ini:- (**Samb**)
 - (v) tiada caj ke atas aset yayasan yang telah timbul sejak 31 Disember 2023 yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; dan
 - (vi) tiada liabiliti luar jangka yang timbul sejak 31 Disember 2023.
- (c) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas 31 Disember 2023 yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan yayasan untuk memenuhi kewajipannya apabila tiba masanya.
- (d) Pada pendapat Pemegang Amanah:-
 - (i) Operasi yayasan yang berakhir pada 31 Disember 2023 tidak terjejas oleh sebarang perkara, isu atau kejadian penting atau luar biasa; dan
 - (ii) tiada perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa telah timbul dalam selang waktu antara 31 Disember 2023 dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan besar menjelaskan keputusan yayasan bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

9. AUDIT CUKAI

Azman, Wong, Salleh & Co. telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah,



Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah



Dato' Yahya bin Ahmad
Pemegang Amanah

Tarikh: **25 MAR 2024**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)	1.1.2022 RM (dinyatakan semula)
ASET				
Aset bukan semasa				
Aset berhak diguna	4	36,870	147,480	258,090
Aset semasa				
Penghutang dan akaun belum terima yang lain	5	958,364	306,135	31,135
Simpanan tetap, tunai dan baki bank	6	4,294,257	5,307,408	5,182,915
		5,252,621	5,613,543	5,214,050
Jumlah aset		5,289,491	5,761,023	5,472,140
EKUITI DAN LIABILITI				
Ekuiti				
Pendapatan terkumpul		4,805,735	5,579,110	4,994,028
Liabiliti bukan semasa				
Liabiliti pajakan	7	-	38,571	151,684
Liabiliti semasa				
Liabiliti pajakan	7	38,571	113,113	109,315
Pembiutang dan akaun belum bayar yang lain	8	445,185	30,229	217,113
		483,756	143,342	326,428
Jumlah Liabiliti		483,756	181,913	478,112
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		5,289,491	5,761,023	5,472,140

Nota pada muka surat 71 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM (dinyatakan semula)
PENDAPATAN	9	6,509,221	5,183,603
PENDAPATAN LAIN		91,713	63,457
PERBELANJAAN		(7,370,884)	(4,654,755)
KOS KEWANGAN	10	(3,425)	(7,223)
(DEFISIT)/LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	11	(773,375)	585,082
CUKAI	12	-	-
(DEFISIT)/LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI MEWAKILI			
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN		(773,375)	585,082

Nota pada muka surat 71 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Pendapatan Terkumpul RM
Baki pada 1 Januari 2022		
- seperti yang dinyatakan tahun lepas	13	4,996,937
- Pelarasan tahun terdahulu		(2,909)
- dinyatakan semula		4,994,028
Lebihan pendapatan bagi tahun tersebut mewakili jumlah pendapatan bagi tahun tersebut		
- seperti yang dinyatakan tahun lepas	13	586,377
- Pelarasan tahun terdahulu		(1,295)
- dinyatakan semula		585,082
<hr/> Pada 31 Disember 2022		<hr/> 5,579,110
Defisit pendapatan bagi tahun tersebut mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut		(773,375)
<hr/> Pada 31 Disember 2023		<hr/> 4,805,735

Nota pada muka surat 71 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	2023 RM	2022 RM (dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Defisit)/Lebihan pendapatan sebelum cukai	(773,375)	585,082
Pelarasan semula untuk:		
Susut nilai aset berhak diguna	110,610	110,610
Faedah atas liabiliti pajakan	3,425	7,223
Untung daripada deposit tetap dengan bank koperasi	(89,602)	(60,965)
(Defisit)/Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(748,942)	641,950
Perubahan dalam modal kerja		
Pertambahan dalam pembiayaan lain dan akaun belum terima	(652,229)	(275,000)
Pertambahan/(Pengurangan) dalam pembiayaan lain dan akaun belum bayar	414,956	(186,884)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti operasi	(986,215)	180,066
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima daripada simpanan tetap dengan bank koperasi	89,602	60,965
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pelaburan	89,602	60,965
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(116,538)	(116,538)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(116,538)	(116,538)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN SEMASA	(1,013,151)	124,493
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI	5,307,408	5,182,915
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER (NOTA 6)	4,294,257	5,307,408

Nota pada muka surat 71 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

Aktiviti utama yayasan adalah sebagai sebuah badan amal yang menerima, merancang, mengurus dan mentadbir dana untuk tujuan pendidikan, seni, budaya & warisan, alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat.

Yayasan merupakan sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di Malaysia dan oleh itu tidak mempunyai saham.

Alamat berdaftar Syarikat ialah Aras 16, Menara KOMTAR, Pusat Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor.

Syarikat menjalankan aktivitinya di Aras 18, Menara KOMTAR, Pusat Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor.

Penyata kewangan yayasan telah diluluskan oleh para pemegang amanah pada 24 Mac 2024.

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan yayasan disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan yayasan telah disediakan berdasarkan kos sejarah, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh yayasan adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya, selain daripada menggunakan pakai MFRS yang dipinda seperti dalam Nota 2.2 di bawah.

2.2 Penggunaan pindaan kepada MFRS

Dalam tahun kewangan semasa, yayasan menerima pakai pindaan kepada MFRS seperti yang berikut, yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) berkuat kuasa untuk tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023:-

MFRS 17, Kontrak Insurans

Pindaan kepada MFRS 17 – Penggunaan Awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan

Pindaan kepada MFRS 101 dan Penyata Amalan MFRS 2 – Pendedahan Dasar Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 108 – Anggaran Perakaunan

Pindaan kepada MFRS 112 – Cukai Tertunda Berkaitan Aset dan Liabiliti yang Timbul daripada Urus Niaga Tunggal

Pindaan kepada MFRS 112 – Pembaharuan Cukai Antarabangsa – Peraturan Model Dua Tonggak

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB)

2.2 Penggunaan pindaan kepada MFRS (Samb)

Selain daripada yang dinyatakan di bawah, terima pakai MFRS baru dan penerimaan awal pindaan MFRS tidak menjelaskan secara material Penyata Kewangan Yayasan untuk tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Pindaan kepada MFRS 101 dan Penyata Amalan MFRS 2 – Pendedahan Dasar Perakaunan

Yayasan telah menerima pakai pindaan ini berkuat kuasa 1 Januari 2023. Pindaan tersebut mengubah suai keperluan MFRS 101 untuk mendedahkan ‘maklumat dasar perakaunan material’ dan bukannya ‘dasar perakaunan penting’ dan mesti khusus kepada entiti. Maklumat dasar perakaunan adalah material jika, apabila dipertimbangkan bersama dengan maklumat lain yang disertakan dalam penyata kewangan entiti, ia boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna penyata kewangan tersebut. Pindaan ini juga menyediakan panduan tentang cara sesebuah entiti menggunakan pakai Konsep Materialiti dalam membuat keputusan tentang pendedahan dasar perakaunan.

Pindaan ini boleh menjelaskan pendedahan dasar perakaunan tetapi bukan pengukuran, pengiktirafan atau pembentangan mana-mana item dalam penyata kewangan Yayasan.

2.3 Pindaan kepada MFRS telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

“Yayasan masih belum menerima pakai pindaan berikut kepada MFRS yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) tetapi belum berkuat kuasa:-”

Berkuat kuasa untuk tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

Pindaan kepada MFRS 101 – Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan

Pindaan kepada MFRS 16 – Liabiliti Pajakan dalam Urus Niaga Jualan dan Pajakan Balik

Pindaan kepada MFRS 107 dan MFRS 7 – Pengaturan Instrumen Kewangan dengan Pembekal

Berkuat kuasa untuk tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2025

Pindaan kepada MFRS 121 – Kekurangan Kebolehtukaran dalam Kadar Pertukaran Mata Wang Asing

Berkuat kuasa untuk tempoh bermula pada atau selepas tarikh yang ditentukan oleh MASB

Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat-syarikat Bersekutunya atau Usaha Sama

Yayasan akan menerima pakai pindaan yang dinyatakan di atas kepada MFRS dan akan menggunakan pakainya apabila ia berkuat kuasa. Terima pakai awal pindaan MFRS ini dijangka tidak mempunyai impak yang ketara terhadap penyata kewangan Yayasan.

2.4 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan daripada derma diiktiraf apabila diterima. Derma yang diterima dikecualikan daripada Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB)

2.5 Pajakan

Yayasan menilai pada permulaan kontrak sama ada kontrak mengandungi atau termasuk pajakan. Iaitu, sama ada kontrak itu mengungkapkan hak untuk mengawal penggunaan aset untuk suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk balasan.

(a) Sebagai Penerima Pajak

Yayasan menggunakan pendekatan pengecaman dan pengukuran kendiri untuk semua pajakan, kecuali pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah. Yayasan mengiktiraf liabiliti pajakan untuk pembayaran pajakan dan mempertimbangkan pemilihan aset pajakan sebagai cagaran.

(i) Hak penggunaan aset

Yayasan mengiktiraf hak penggunaan aset pada tarikh permulaan pajakan. Aset berhak diguna pada mulanya diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, dan diselaraskan untuk sebarang pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos aset berhak diguna termasuk sebarang liabiliti pajakan yang diiktiraf, kos langsung permulaan yang ditanggung, dan pembayaran pajakan yang dibuat sebelum atau selepas tarikh permulaan, bersih daripada sebarang insentif pajakan yang diterima. Aset berhak diguna disusut nilai mengikut kaedah garis lurus, iaitu sepanjang hayat berguna aset dan tempoh pajakan, bergantung kepada yang mana lebih pendek.

(ii) Liabiliti pajakan

Dari tarikh permulaan pajakan, Yayasan mengiktiraf liabiliti pajakan pada nilai terukur pembayaran yang dibuat sepanjang tempoh pajakan. Bayaran pajakan termasuk bayaran tetap tolak sebarang insentif pajakan yang diterima, bayaran berubah-ubah bergantung kepada indeks atau kadar, dan amaun yang dijangka akan dibayar di bawah jaminan yang tinggal. Bayaran pajakan juga termasuk harga laksana opsyen yang pasti akan dilaksanakan oleh Yayasan, dan penalti untuk penamatkan pajakan, kecuali Yayasan pasti tidak akan melaksanakan pilihan untuk menamatkan kontrak pajakan awal.

Dalam mengira nilai bayaran pajakan, Yayasan menggunakan kadar pinjaman tambahan pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar pajakan tersirat tidak dapat ditentukan.

Selepas tarikh permulaan, amaun liabiliti pajakan akan meningkat disebabkan faedah terakru dan berkurangan apabila pembayaran pajakan dibuat. Amaun awal liabiliti pajakan diukur pada permulaan melainkan pengubahsuaian berlaku, seperti perubahan dalam amaun bayaran, tempoh pajakan dan perubahan dalam penilaian pilihan untuk membeli aset cagaran.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. ASAS PENYEDIAAN DAN RINGKASAN DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB)

2.5 Pajakan (Samb)

(a) Sebagai Penerima Pajak (Samb)

- (iii) Pajakan jangka pendek dan aset bernilai rendah

Yayasan memilih untuk tidak mengiktiraf aset dan liabiliti pajakan tertunda untuk pajakan jangka pendek dengan tempoh 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. Yayasan mengiktiraf bayaran pajakan ini sebagai perbelanjaan secara garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(b) Sebagai Pemberi Pajak

Bagi setiap kelas pajakan, Yayasan menjalankan penilaian keseluruhan pajakan, memindahkan semua risiko pemilikan berkaitan aset cagaran. Jika ini berlaku, pajakan tersebut adalah pajakan kewangan; jika tidak, ia adalah pajakan operasi. Kos langsung permulaan yang ditanggung dalam merundingkan pajakan operasi dimasukkan dalam amaun awal aset pajakan yang diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama seperti pendapatan sewa.

3. MATA WANG FUNGSIAN DAN PEMBENTANGAN

Elemen dalam penyata kewangan yayasan dinilai menggunakan mata wang utama entiti operasi ("mata wang fungsian"). Ringgit Malaysia ialah mata wang fungsian dan pembentangan bagi yayasan dalam penyata kewangan.

4. HAK PENGGUNAAN ASET

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)
<u>Kos</u>		
Pada 1 Januari/31 Disember	331,829	331,829
<u>Susut nilai terkumpul</u>		
Pada 1 Januari	184,349	73,739
Susut nilai tahun semasa	110,610	110,610
Pada 31 Disember	294,959	184,349
<u>Amaun bawaan bersih</u>		
Pada 31 Disember	36,870	147,480

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4. HAK PENGGUNAAN ASET (SAMB)

Pada 17 April 2022, Yayasan telah menandatangani perjanjian pajakan operasi untuk ruang pejabat. Aset pajakan diiktiraf berdasarkan bayaran pajakan berjumlah RM9,712 sebulan untuk tempoh pajakan selama 36 bulan bermula dari 1 Mei 2021. Aset pajakan diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang akan dibuat sepanjang tempoh pajakan pada kadar terdiskaun sebanyak 3.42%. Aset yang dipajak disusut nilai mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 36 bulan.

Perbelanjaan berkaitan aset berhak diguna yang berikut, diiktiraf dalam penyata untung rugi:-

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)
Susut nilai aset berhak diguna	110,610	110,610
Faedah atas liabiliti pajakan	3,425	7,223
 Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan bagi tahun semasa adalah seperti berikut:		
Bayaran pajakan	116,538	116,538
Pajakan jangka pendek	5,094	5,094
	121,632	121,632

5. PERDAGANGAN DAN BELUM BAYAR YANG LAIN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM	1.1.2022 RM
Belum terima yang lain	927,229	275,000	-
Deposit	31,135	31,135	31,135
	958,364	306,135	31,135

6. DEPOSIT TETAP, TUNAI DAN BAKI BANK

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM	1.1.2022 RM
Simpanan tetap dengan bank koperasi	3,101,447	3,011,844	2,950,879
Wang tunai dan baki bank	1,192,810	2,295,564	2,232,036
	4,294,257	5,307,408	5,182,915

Pulangan pelaburan adalah hasil perkongsian keuntungan pada kadar sebanyak 2.95% - 3.15% (2022: 2.70% - 2.90%), seperti yang ditentukan oleh institusi perbankan Islam.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

7. LIABILITI PAJAKAN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)
Pada 1 Januari	151,684	260,999
Faedah atas liabiliti pajakan	3,425	7,223
Tolak: Bayaran pajakan yang dibuat dalam tahun semasa	(116,538)	(116,538)
Pada 31 Disember	38,571	151,684
Perlu bayar dalam tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti semasa)	38,571	113,113
Perlu bayar selepas 12 bulan (di bawah liabiliti bukan semasa)	-	38,571
	38,571	151,684

Liabiliti pajakan dianalisis seperti berikut:-

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)	1.1.2022 RM (dinyatakan semula)
Lebih daripada 1 tahun	-	151,684	109,315
Selepas 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	-	-	151,684
	151,684	260,999	

Liabiliti pajakan diukur pada nilai semasa bayaran pajakan yang akan dibuat sepanjang tempoh pajak pada kadar terdiskaun sebanyak 3.42%. Selepas tarikh permulaan, amaun liabiliti pajakan akan meningkat disebabkan faedah terakru dan berkurangan apabila pembayaran pajakan dibuat. Butiran tambahan mengenai pemajakan dikemukakan dalam Nota 4.

Komitmen pajakan operasi tidak terdiskaun adalah seperti berikut:-

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM (dinyatakan semula)	1.1.2022 RM (dinyatakan semula)
- Amaun perlu bayar dalam tempoh 12 bulan	38,846	116,538	116,538
- Amaun perlu bayar selepas 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	-	38,846	155,384
	38,846	155,384	271,922

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PERDAGANGAN DAN BELUM BAYAR YANG LAIN

	31.12.2023 RM	31.12.2022 RM	1.1.2022 RM
Belum bayar yang lain	96,685	24,729	211,613
Perbelanjaan terakru	348,500	5,500	5,500
	445,185	30,229	217,113

9. PENDAPATAN

	2023 RM	2022 RM
Sumbangan daripada Syarikat dan Korporat	4,891,210	4,355,984
Sumbangan daripada orang ramai dan individu	3,357	8,100
Sumbangan diterima bagi pihak Persatuan Cerebral Palsy Johor	440	5,735
Penerimaan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0	-	721,080
Penerimaan daripada Program Pendidikan Tunas Jauhar	-	85,015
Sumbangan dana bantuan banjir	1,535	7,689
Sumbangan diterima daripada Program Minggu Iklim Asia Pasifik 2023	1,612,679	-
	6,509,221	5,183,603

10. PERBELANJAAN KEWANGAN

	2023 RM	2022 RM
Faedah atas liabiliti pajakan	3,425	7,223

11. (DEFISIT)/LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI

(Defisit)/lebihan pendapatan sebelum cukai ialah selepas potongan/(tambahan):-

	2023 RM	2022 RM
Yuran audit	5,500	4,500
Yuran percukaian	1,000	1,000
Sewa	5,094	5,094
Susut nilai aset berhak diguna	110,610	110,610
Untung daripada deposit tetap dengan bank Koperasi	(89,602)	(60,965)
Geran	(2,011)	(2,492)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

12. CUKAI

Bagi tujuan percukaian, kelulusan telah diberikan kepada Yayasan Johor Corporation menurut Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967, bahawa semua derma tunai kepada yayasan, layak mendapat pelepasan cukai kepada pendermanya. Mengikut surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bertarikh 30 Mac 2021, tempoh kelulusan untuk yayasan di bawah subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ialah 5 tahun sehingga 31 Disember 2025.

13. PELARASAN SEMULA TAHUN SEBELUMNYA

Berikutan perjanjian pajakan operasi yang dimeterai pada 17 April 2022, perjanjian itu pada mulanya dinilai sebagai pajakan untuk tahun kewangan semasa. Ini mempunyai implikasi untuk pengiktirafan aset pajakan dan liabiliti pajakan dalam penyata kewangan Yayasan. Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dinyatakan semula secara retrospektif, dan kesan ke atas penyata kewangan Yayasan adalah seperti berikut:-

	Dinyatakan semula pada tahun sebelumnya RM	Dinyatakan semula pada tahun sebelumnya RM	Dinyatakan semula RM
--	--	--	----------------------------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

Peningkatan aset berhak diguna	-	147,480	147,480
Pengurangan pendapatan terkumpul	(5,583,314)	4,204	(5,579,110)
Pertambahan liabiliti pajakan	-	(151,684)	(151,684)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2022

Pertambahan aset berhak diguna	-	258,090	258,090
Pengurangan pendapatan terkumpul	(4,996,937)	2,909	(4,994,028)
Pertambahan liabiliti pajakan	-	(260,999)	(260,999)

Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Pengurangan sewa	121,632	(116,538)	5,094
Peningkatan susut nilai aset berhak diguna	-	110,610	110,610
Peningkatan faedah atas pajakan liabiliti	-	7,223	7,223
Pengurangan pendapatan sebelum cukai	586,377	(1,295)	585,082

Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Pengurangan pendapatan sebelum cukai	586,377	(1,295)	585,082
Peningkatan susut nilai aset berhak diguna	-	110,610	110,610
Peningkatan faedah atas pajakan liabiliti	-	7,223	7,223
Peningkatan pembayaran balik liabiliti pajakan	-	(116,538)	(116,538)

KENYATAAN OLEH PEMEGANG AMANAH

MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Rozaini bin Mohd Sani dan Dato' Yahya bin Ahmad, dua daripada pemegang amanah Yayasan Johor Corporation, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pemegang amanah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 53 hingga 64 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut

Rozaini bin Mohd Sani
Pemegang Amanah

Dato' Yahya bin Ahmad
Pemegang Amanah

Tarikh: 25 MAR 2024

AKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 251(1)(B) AKTA SYARIKAT 2016

Saya Wan Su binti Ali, pegawai utama yang bertanggungjawab menguruskan kewangan Yayasan Johor Corporation dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 53 hingga 64, pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang disebut di atas)

Wan Su binti Ali di Johor Bahru dalam
Negeri Johor Darul Takzim pada

25 MAR 2024



LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

LAPORAN KE ATAS LAPORAN KEWANGAN

Pendapat

Kami telah memeriksa penyata kewangan Yayasan Johor Corporation, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, maklumat dasar perakauan material dan lain-lain nota penerangan yang dibentangkan di mukasurat 67 hingga 78.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Yayasan telah disediakan dengan sewajarnya menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRSs”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRSs”) dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami menurut piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut di seksyen “Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan” di dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Yayasan mengikut Undang-undang Kecil (pada Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional, Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undangundang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada Laporan Pemegang Amanah, tidak termasuk penyata kewangan Yayasan dan Laporan Juruaudit. Pendapat kami ke atas penyata kewangan Yayasan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk mentafsir lain-lain maklumat dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada terdapat lain-lain maklumat yang ketara dan tidak selaras dengan penyata kewangan Yayasan atau berbeza dengan maklumat yang diperolehi semasa pengauditan, atau terdapat salahnyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa ada salahnyata yang ketara pada lain-lain maklumat ini, kami dikehendaki untuk melaporkan fakta tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang fakta untuk dilaporkan.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

Tanggungjawab Pemegang Amanah kepada Penyata Kewangan

Pemegang amanah Yayasan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang dirasakan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bebas daripada sebarang salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Yayasan, pemegang amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan untuk meneruskan operasi secara berterusan, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan andaian berterusan dan menggunakan asas perakaunan andaian berterusan, melainkan jika pemegang amanah berhasrat untuk membubarkan Yayasan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali berbuat demikian

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan secara keseluruhannya bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa sesuatu audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salahnyata yang ketara apabila ia wujud. Salahnyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam aggregat, mereka dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salahnyata yang ketara pada penyata kewangan Yayasan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi serta sesuai untuk memberi asas yang munasabah. Risiko tidak mengesan salahnyata akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan daripada yang terhasil akibat satu kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melampaui kawalan dalaman.
- Memperolehi pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan anggaran perakaunan yang munasabah serta pendedahan berkaitan, yang dibuat oleh pemegang amanah.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Samb)


Kami juga: (Samb)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian pemegang amanah menggunakan asas perakaunan andaian berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ke atas keupayaan Yayasan untuk terus beroperasi secara berterusan. Jika kesimpulan dibuat bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk mendedahkan ketidakpastian tersebut di dalam penyata kewangan Yayasan atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Yayasan untuk berhenti daripada terus beroperasi secara berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Yayasan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili asas urusniaga serta peristiwa untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan pemegang amanah mengenai, antara lain, skop yang dirancang, jangka masa audit serta penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Lain-lain Hal

Laporan ini dibuat kepada ahli-ahli Yayasan, sebagai suatu badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.



Azman, Wong, Salleh & Co

No.: AF 0012

Akauntan Bertauliah



Ng Eng Kiat

No.: 01064/03/2025 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur,

Tarikh:

25 MAR 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



YAYASAN JOHOR CORPORATION

Aras 18, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Tel: 607-219 2692
Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my

yayasanjcorp.com.my

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp